

Mengurus Perubahan Secara Positif

Peningkatan kadar kehidupan dalam arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kini sudah banyak memengaruhi orang keliru.

DING CHOO MING

KEKELIRUAN itu agak mengejutkan kerana cabaran yang harus dihadapi, walaupun kehidupan seseorang itu jauh lebih baik daripada sebelumnya. Menurut penganalisis antropologi dan sosiologi, pada hari ini, manusia dibawa ke era masyarakat yang baharu, asing, malahan mungkin pelik.

Oleh sebab perubahan yang berlaku itu, konsep yang dipegang sejak turun-temurun tentang masa, ruang, kerja, dan jantina juga sudah berubah. Sebagai hasilnya, konflik yang terjadi seperti yang berlaku antara generasi tua dengan generasi muda, antara negara ini dengan negara lain, dan antara dahulu dengan sekarang berpunca daripada perubahan semasa yang begitu pantas.

Misalnya, tempoh jaminan produk yang ditawarkan oleh kilang sekarang berbanding dengan 50 tahun yang lalu didapati lebih pendek. Tempoh jaminan bagi barangan, seperti peti sejuk, radio, pembersih hampa gas, kipas, dan mesin basuh, semakin singkat, daripada 10 tahun kepada lima tahun hingga setahun. Hal ini bermakna produk kilang sekarang semakin tidak berkualiti dan perlu digantikan dengan yang baharu dari masa ke masa.

Adakah hal ini disebabkan barang ganti sukar diperolehi selepas teknologi baharu itu diperkenalkan? Adakah disebabkan teknologi baharu yang digunakan kilang untuk menghadapi persaingan yang semakin sengit? Adakah kerana kos tinggi inovasi dan teknologi ditolak kepada pembeli yang

terpaksa membayar lebih untuk semua, terutamanya barang yang besar dan mahal, seperti kereta dan rumah? Akibatnya, kos hidup meningkat selaras dengan peningkatan taraf hidup di seluruh dunia.

Perubahan yang tersebut antara ciri utama zaman pascamodernisme sekarang dengan kadar perubahan yang semakin pesat berkembang. Untuk hidup pada zaman ini, kita mesti pandai menyesuaikan diri dengan persekitaran masyarakat yang baharu, yang berubah dengan lebih cepat daripada sebelumnya.

Kita juga mudah membuang barangan yang terpakai, seperti botol, tin, surat khabar, tisu muka, tuala kertas, pencungkil gigi, seluar dalam, dan kertas, yang dipakai di rumah, pejabat, hotel dan tempat lain. Hal ini bermakna kita sudah memasuki budaya membuang begitu sahaja. Dalam hal ini, tidakkah ada barangan yang lebih tahan dan dapat digunakan untuk tempoh yang lebih lama lagi? Memang ada. Misalnya, kereta, radio, televisyen, keluli, paip, dan lampu. Namun begitu, jangka hayat barangan tersebut amatlah pendek. Terdapat juga barangan yang lebih mahal dengan tempoh jaminan tertentu yang ditawarkan oleh kilang untuk menarik kesetiaan pelanggan, selain membuka pasaran baharu dalam dunia perniagaan yang serba berdaya saing.

Antara cara untuk bersaing dan meneruskan kelangsungan hidup seterusnya termasuklah pengeluaran pelbagai model dan reka bentuk barangan yang sama. Misalnya, rokok, sabun,

minyak, radio, televisyen, dan kereta untuk memuaskan kehendak pengguna yang berlainan. Yang penting, konsep fana dan sementara itu memberikan ilham kepada usahawan yang progresif untuk bersaing bagi mengeluarkan pelbagai barangan untuk pilihan pengguna masing-masing.

Selain itu, semacam muncul "nomad baharu" dalam kalangan masyarakat, iaitu bukan sahaja orang meninggalkan kampung untuk berhijrah ke bandar, tetapi juga berpindah-randah di bandar yang sama dari masa ke masa kerana sebab tertentu. Orang bujang yang menyewa bilik terpaksa mencari rumah sendiri setelah berkahwin dan yang berkahwin terpaksa mencari rumah baharu setelah ada anak, dan yang ada anak seorang itu terpaksa mencari rumah yang lebih besar untuk menampung anak yang kedua, ketiga, dan seterusnya, lebih-lebih lagi untuk orang gaji atau ibu bapa yang sudah tua, selain privasi, lebih dekat dengan sekolah ataupun tempat kerja.

Tidaklah pemindahan dan penempatan semula yang kerap itu membawa masalah? Sudah tentu individu dan keluarga yang terlibat mendapati mereka sukar melibatkan diri dengan kegiatan sosial masyarakat setempat. Jika begitu, mereka sukar mendapat pertolongan segera daripada jiran tetangga kerana tidak mengetahui atau berkawan dengannya.

Orang yang suka berpindah-randah diumpamakan seperti kiambang yang terapung-apung dari satu tempat ke satu tempat, tanpa akar di mana-mana. Oleh sebab sering berpindah, mereka sukar mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat setempat.


Pengalaman pahit hidup berpindah-randah seperti nomad itu sudah dirasakan oleh anak mereka sejak kecil. Anak mereka juga terperangkap dalam

budaya perubahan pesat yang berlaku di sekitar mereka. Mereka terpaksa meninggalkan kawan baik di sekolah atau jiran setiap kali ibu bapa mereka berpindah ke tempat baharu dari masa ke masa. Oleh sebab sering berpindah-randah, perasaan mereka juga terganggu.

Tekanan lain terhadap kanak-kanak pada era TMK ini datangnya daripada terlalu banyak perkara yang dipelajari mereka. Dikelilingi komputer, telefon pintar, dan internet yang memberikan segala macam maklumat, berita dan hiburan, kanak-kanak juga terpaksa menangani sebegitu banyak maklumat dan hiburan yang membanjiri mereka. Tekanan seumpama itu yang belum wujud semasa ibu bapa mereka kecil dahulu membuat kanak-kanak sekarang mengalami tekanan emosi.

Tekanan emosi dengan ditambah perasaan bosan dan asing menyebabkan anak muda sekarang semakin banyak berhadapan dengan masalah keganasan, tidak berpuas hati dengan diri, keluarga, dan orang lain. Akibatnya, mereka cuba lari dari rumah, menjadi kera-sumbang, menghisap rokok dan dadah. Penyakit sosial memencilkan diri juga jelas kelihatan dalam kalangan sebahagian besar orang dewasa yang bosan tinggal di bandar. Ada sesetengah mereka dengan tiba-tiba menjadi kaki rokok, kaki judi, dan kaki botol. Masalah yang timbul daripada gangguan emosi seperti itu amat sukar diurus.

Oleh sebab perubahan yang berlaku di sekeliling tidak mungkin terhenti kerana tidak ada orang lain atau negara yang dapat menghentikannya, maka individu tersebut perlu bijak menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan. Antara langkah yang dapat membantu mengurus diri termasuklah tidak membeli barangan pakai buang, jika ada pilihannya. Baju yang lama dapat dipakai lagi kerana mempunyai nilai nostalgia, walaupun ada baju baharu yang lebih cantik. Kita mampu menolak tawaran jurujual yang mahu menjual barangan atau perkhidmatan yang tidak penting.

Demikian juga kita mampu menutup siaran televisyen atau menukar ke saluran rancangan lain jika kita tidak suka akan rancangan yang berkenaan. Hal ini bermakna kita mampu meneruskan gaya dan cara hidup kerana kita mempunyai banyak pilihan. Yang penting di sini bukanlah menolak perubahan, tetapi cara mengurusnya harus sesuai mengikut kepentingan dan kehendak kita. 



ETR No: 000274782
PSY 2015/A01

Psychology - General

Pg: 46 - 47